

## **BAB 3: PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DAN IGD HITECH CORPORATION SDN. BHD. DALAM MENERBITKAN “KARYANET”**

### **3.1 Latar Belakang Dewan Bahasa dan Pustaka**

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah ditubuhkan secara rasminya di Johor Bahru, pada 22 Jun 1956. Pada awalnya DBP terletak di Bukit Timbalan, Johor Bahru. Di pejabat yang pertama tersebut pihak DBP memulakan segala perancangan dan pengurusan yang berkaitan dengan Bahasa Melayu yang sekaligus menjadi bahasa rasmi negara.

Usaha yang dilakukan oleh DBP sememangnya amat penting kerana peranan mereka adalah sebagai pendukung kepada imej Negara Malaysia. Peranan ini adalah sejajar dengan matlamat utama DBP iaitu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara yang merdeka dan berdaulat. Pada tahun 1957, DBP kemudiannya telah berpindah dari Johor ke Kuala Lumpur untuk tujuan memudah dan melicinkan segala urusan dari segi pentadbiran.

Pada tahun 1959, melalui *Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959*, DBP telah bertukar menjadi sebuah badan berkanun (dipetik dari Majalah Citra yang diterbitkan Oleh Dewan Bahasa dan Pustaka). Dengan perubahan tersebut, DBP telah diberi kuasa autonomi untuk menggubal dasarnya yang khusus, menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan

sastera, dan menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif. Menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan. Selanjutnya DBP mengembangkan lagi pentadbirannya dengan menubuhkan pejabat-pejabat cawangannya di Sabah dan Sarawak. Di Sabah ibu pejabatnya telah di tempatkan di Kota Kinabalu manakala di Sarawak, ibu pejabatnya terletak di Petra Jaya Kuching.

Kedua-dua Cawangan tersebut berperanan mengembangkan dunia bahasa dan sastera di Sabah dan Sarawak di samping membantu ibu pejabat DBP di Kuala Lumpur menjalankan peranan dan fungsi asal mereka. Pada tahun 1999, dua pejabat wilayah telah dibuka, iaitu Pejabat DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan Pejabat DBP Wilayah Timur di Kota Bharu, Kelantan. Kewujudan tiga wilayah ini akan memperluas kegiatan bahasa dan sastera di Malaysia

### **3.1.1 Struktur Organisasi**


Dewan Bahasa dan Pustaka terletak di bawah kawalan Lembaga Pengelola DBP yang telah ditubuhkan di bawah *Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959*. Pengelola DBP terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- i. Seorang pengurus yang dilantik oleh Menteri Pendidikan
- ii. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

- iii. Ketua Pengarah Pendidikan
- iv. Seorang wakil dari perbendaharaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan
- v. Seorang wakil yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.
- vi. Sepuluh orang ahli yang dilantik oleh Menteri Pendidikan

Setiap ahli yang dilantik akan memegang jawatan untuk tempoh tiga tahun dan tempoh ini boleh dilanjutkan sekiranya mendapat persetujuan daripada Menteri Pendidikan berdasarkan kemampuan dan sumbangan yang pernah mereka lakukan ketika menjawat jawatan yang sama.

CARTA ORGANISASI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



### **3.2 Unit Multimedia Dewan Bahasa dan Pustaka**

Dari aspek komersial, kewujudan Unit Multimedia DBP dianggap dapat membantu Dewan Bahasa dan Pustaka menjana kewangan melalui Projek Penerbitan Secara Langsung, Projek Penerbitan Bersama Dengan Rakan Swasta dan Projek Penjualan Hakcipta, Foto, Ilustrasi, Lagu dan sebagainya.

Sebagai sebuah badan yang berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu, penubuhan Unit Multimedia ini dianggap mampu untuk meningkatkan lagi serta meluaskan lagi penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Malaysia amnya. Persediaan DBP membantu kerajaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama mengisi semua keperluan infrastruktur dan konsep dalam koridor Raya Multimedia (MSC) adalah satu langkah bijak untuk mendekatkan diri dalam dunia teknologi moden.

Usaha ini bukan sahaja mampu memperkenalkan bahasa Melayu di kalangan masyarakat asing, malah menjadikan bahasa kebangsaan itu sebagai bahasa tercanggih di dunia. Menurut ketua pengarah DBP iaitu Dato' Haji A. Aziz Deraman ketika ditemubual menyifatkan DBP bukan sahaja mahu menjadikan bahasa kebangsaan penggerak utama MSC, malah ingin memastikan supaya bahasa Melayu tidak terpinggir dan digantikan dengan penggunaan bahasa lain. Langkah ini juga berikutan sebahagian daripada tujuh aspek aplikasi dalam pembangunan MSC seperti kerajaan elektronik

serta sekolah bestari, adalah untuk kegunaan dan membabitkan urusan sehari-hari rakyat Malaysia

Disamping itu juga usaha yang dipadukan oleh DBP adalah untuk memastikan bahasa Melayu terus relevan dalam apa jua perkembangan, sama ada ekonomi, politik, pembangunan sosio budaya atau perkembangan teknologi maklumat.

Usaha untuk mewujudkan Unit Multimedia ini juga dianggap mampu memupuk bakat sastera, karyawan berbahasa Melayu yang berbakat untuk memupuk dan meningkatkan bakat menghasilkan karya bentuk baru untuk membantu memperluas bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Penubuhan kepada Unit ini juga menggambarkan bahawa DBP cuba untuk menyahut era teknologi yang kian pesat khususnya dalam penerbitan secara *on line*

Untuk memantapkan lagi Unit yang baru ditubuhkan itu, Bahagian Unit Latihan telah menghantar beberapa ahli Unit Multimedia DBP untuk menghadiri kursus-kursus jangka pendek di pusat-pusat latihan swasta sebagai persediaan awal untuk memasuki kerja-kerja yang melibat teknikal digital. Pihak pengurusan dewan juga telah mengambil inisiatif untuk menghantar beberapa orang pegawai dewan untuk melanjutkan pelajaran sama ada dalam atau luar negeri dalam bidang berkaitan.

Dalam kursus-kursus jangka pendek yang dibuat, perkara-perkara yang diberikan penekanan adalah tentang kerja-kerja asas pengeluaran/penerbitan multimedia, iaitu daripada perancangan projek, pengenalan papan cerita, tunjuk ajar perisian animasi 3D iaitu 3D Studio Max, perisian grafik Adobe *Photoshop 7*, perisian pengeditan suara *Sound Forge*, dan perisian *authoring* (Kepengarangan). Hasil daripada kursus tersebut, satu prototaip CD-ROM tentang penerbitan DBP telah dapat dihasilkan.

### **3.2.1 Objektif Penubuhan Unit Multimedia**

#### **3.2.1.1 Era Multimedia dan Objektif Kerajaan Malaysia**

Bidang Teknologi Maklumat sememangnya semakin rancak berkembang di Negara Malaysia dan telah menjadi agenda kerajaan untuk melebarkan lagi perkembangan yang bersangkut paut dalam teknologi. Justeru, sejajar dengan itu peranan DBP seharusnya selari dengan aspirasi kerajaan untuk mengukuhkan lagi penyebaran aktiviti kebahasaan dan Kesusteraan Melayu dengan menggunakan komunikasi digital ini.

### **3.2.1.2 Rakan Kongsi dan Kerjasama**

Organisasi luar dan badan-badan swasta sememangnya sentiasa berminat memanfaatkan koleksi penerbitan DBP ke dalam bentuk produk elektronik/multimedia dalam bahasa Melayu. Untuk menangani kerja-kerja ini secara sistematik, DBP seharusnya mem lengkapkan diri dengan kepakaran tertentu dalam pengeluaran Multimedia atau persiapan ke arah matlamat tersebut. Secara rasionalnya, usaha ini adalah untuk membuat perancangan yang lebih baik berdasarkan komponen kandungan yang terlibat dengan aspek hakcipta dan penjualannya.

### **3.2.1.3 Membekalkan Kandungan Bahasa Melayu**

Sebelum wujudnya Unit Multimedia di DBP, urusan-urusan yang berkait rapat dengan kerja-kerja pembinaan dan pengayaan bahasa Melayu dalam bentuk digital telah di usahakan tanpa adanya perancangan yang sempurna. Disamping itu juga sebahagian besar tanggungjawab dalam menguruskan kandungan bahan yang hendak diterbitkan adalah diserahkan sepenuhnya kepada syarikat luar yang telah diberi kepercayaan.

Dengan tertubuhnya Unit Multimedia maka tenaga kerja yang berperanan mengukir imej DBP dalam mempamerkan sesuatu yang bermutu akan dapat dilaksanakan dengan jayanya membentuk acuan produk bahasa Melayu untuk menentukan spesifikasi penerbitan atau reka bentuk produk elektronik seperti Kamus Telapak, Penyemak Ejaan, seperti Dewan Eja dan beberapa projek lain dengan Syarikat Aspati, IGD, Cosmopoint dan sebagainya. Penubuhan Unit Multimedia akan dapat membantu Jawatankuasa Multimedia Dewan memperkuuh dan memperkemas fungsinya.

### **3.3 Fungsi Bahagian Multimedia DBP**

Bahagian-bahagian ini menjalankan fungsi-fugsi berikut:

- i. Menyelaraskan kerja-kerja penerbitan elektronik secara berpusat, seperti yang diamalkan sekarang oleh Bahagian Penyelarasian Penerbitan dalam pengurusan dan penyelarasaran penerbitan media cetak. Penerbitan dalam aspek ini merangkumi takrifan kerja-kerja pengeluaran dengan mengawal perancangan dan penjadualan pengeluaran, mutu, dan perbelanjaan pengeluaran.  
Kerja-kerja editorial dan pembinaan adalah tidak jauh berbeza dengan seperti penerbitan buku pada masa kini, iaitu pembangunan

judul dan kandungan terletak pada tanggungjawab bahagian-bahagian editorial masing-masing


- ii. Menyelaras dan mengawal mutu bahan penerbitan menepati piawaian mutu DBP dari aspek fizikal dan bahasa/sastera.
- iii. Menyelaras kerja-kerja pengeluaran secara dalaman untuk menghasilkan portal Karyanet dan produk-produk ke peringkat CD-ROM.
- iv. Menyelaras kerja-kerja pengujian portal Karyanet, CD, dalam aspek kepenggunaan.
- v. Membantu bahagian atau jabatan dalam kerja-kerja merancang produk-produk kebahasaan dan kesusasteraan dalam bentuk Multimedia.
- vi. Membantu DBP menjana pendapatan melalui penjualan produk dan hak cipta seperti teks, ilustrasi, foto, dan pelbagai bentuk jualan hak cipta.

### **3.3.1 Struktur Dan Kakitangan**

Pada peringkat awal, penubuhan Unit Multimedia di bahagian penyelarasan penerbitan supaya dapat menangani keperluan perancangan projek penerbitan Multimedia daripada Jabatan Sastera, Jabatan Bahasa, Jabatan Penerbitan, dan juga daripada Cawangan Sarawak dan Sabah.

Pada peringkat awal, struktur kakitangan dan peranan adalah seperti berikut:

**Rajah 3.2: Aliran Kerja Jabatan Penerbitan**



Selain daripada struktur yang disenaraikan, setiap jabatan dan cawangan mempunyai Editor Penyelaras Multimedia di jabatan /cawangan masing-masing.

### **3.3.2 Kakitangan Peringkat Awal**

Kakitangan-kakitangan pada peringkat awal telah diberi beberapa khursus yang berkaitan dengan bidang Multimedia. Kursus-kursus yang diberikan adalah terdiri daripada perisian *Flash*, *Illustrator*, *Page Maker*, *HTML*, *Photoshop* dan sebagainya. Kursus-kursus yang dibuat adalah terbahagi kepada dua jenis iaitu kursus jangka pendek dan yang kedua pula adalah kursus jangka panjang. Untuk kursus-kursus jangka panjang, tempoh kursus yang telah ditetapkan adalah di antara 6 bulan hingga 2 tahun. Tempat atau pusat kursus tidak semestinya terhad di dalam negara sahaja malah juga turut dibuat di luar negara. Usaha ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pegawai akan pengalaman di luar negara.

Untuk kursus jangka pendek pula kebiasaannya tempoh kursus dibuat adalah di antara dua hari hingga seminggu dan tempat kursus adalah di DBP sendiri dan di kolej-kolej swasta yang menawarkan kursus-kursus yang diperlukan. Untuk memantapkan lagi kepakaran yang terdapat di Unit Multimedia, bahagian unit latihan turut menghantar beberapa pegawai untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda dan sarjana samada di luar

atau di dalam negara. Sehingga tempoh kajian yang dibuat, para pegawai terdiri daripada :

3.3.2.1 Pengurus Projek: bertindak sebagai programmer yang mempunyai pengetahuan dalam *photoshop* dan perisian animasi 3D (misalnya 3Dsrdio max dan lain-lain.) Tugas pengurus projek ialah sebagai karyawan yang akan memperturunkan konsep projek, papan cerita, carta alir kerja, kosting, agihan kerja, penyediaan prototaip, pengujian hingga ke peringkat mengintegerasikan bahan dan penyediaan CD-ROM master. Akhirnya, mengurus percetakan CD yang diperlukan.

3.3.2.2 Penyelaras animasi/Animator: mahir dalam 3D studio max, dan video. Berpengetahuan dalam perisian *authoring* seperti *Micromedia Director* atau *authorware*. Disamping itu juga mahir dalam *authoring tool* video seperti *Adobe Primier*.

3.3.2.3 Penyelaras Grafik: bertindak sebagai *illustrator*. Penyelaras ini harus mahir dalam kerja-kerja menghasilkan ilustrasi secara manual (2D) dan berpengetahuan dalam *photoshop*. Karyawan ini bertugas

menyediakan lukisan untuk menu, butang, latar belakang yang diperlukan.

3.3.2.4 Pembantu Penerbitan (N7): mesti mahir dalam penggunaan komputer, perisian teks dan fonts. Beliau juga bertindak sebagai pembantu yang menangani kerja-kerja mencetak bahan, dan kerja-kerja umum penerbitan Multimedia.

3.3.2.5 Pembantu Pentadbiran (N9): menguruskan hal-hal dan pentadbiran dan berhubung dengan pihak luar dan dalam.

### **3.3.3 Tempat**

Pada peringkat awal, staf asas diletakkan di Bahagian Penyelarasan Penerbitan, Jabatan Penerbitan dan pada penghujung 2002, Unit Multimedia telah diletakkan ditingkat 12 di bangunan DBP yang baru.

~

## **3.4 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Dalam Penerbitan**

Salah satu fungsi dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam dalam mengembangkan dan memartabatkan bahasa Meayu adalah melalui bidang penerbitan. Bidang penerbitan dianggap sebagai satu medan ataupun senjata

yang digunakan untuk menerbitkan bahan-bahan penerbitan dalam bahasa Melayu sepenuhnya. Perkara ini bertepatan dengan peruntukan Akta DBP 1959 (Pindaan 1978), iaitu:

*"mencetak atau menrbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan bentuk persuratan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain."*

Semasa ditempatkan di Bukit Timbalan, Johor Bahru pada tahun 1956, kegiatan utama DBP adalah untuk menyebarluaskan penggunaan bahasa Melayu, manakala kegiatan dalam bidang penerbitan masih belum bermula pada masa itu.

Kegiatan DBP dalam bidang penerbitan buku dan majalah bermula setelah DBP berpindah ke Jalan Young, Kuala Lumpur dari Johor Bahru pada 12 Julai 1957. Pada masa itu, kegiatan penerbitan berjalan rancak dengan pertambahan kakitangan yang diambil untuk menjalankan kerja penterjemahan dan penulisan. Mereka yang diambil berkhidmat sebagai penterjemah kebanyakannya terdiri daripada para guru kerana mereka mempunyai pengetahuan dan penguasaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

Sejak tahun 1957, penumpuan penerbitan adalah untuk menerbitkan buku bagi keperluan sekolah rendah, sekolah menengah dan keperluan intitusi pengajian tinggi. Perlu dinyatakan bahawa sebelum tertubuhnya DBP, hanya ada kira-kira 150 judul buku yang dihasilkan oleh Pejabat Karang-Mengarang (nama asalnya Badan Menterjemah), Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim. DBP dapat meneruskan kegiatan penerbitannya dengan lancar hasil daripada beberapa penyusunan semula struktur organisasi serta peranan yang dimainkannya dalam penerbitan.

Penyusunan semula DBP yang dibuat pada tahun 1970, dan seterusnya pada tahun 1971, 1977, 1986, 1995 dan 1999 turut mewarnai sejarah DBP sebagai institusi bahasa, sastera dan penerbitan yang terpenting di Malaysia.

### **3.4.1 Matlamat DBP**

3.4.1.1 Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.

3.4.1.2 Memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan.

3.4.1.3 Mencetak dan menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan

bentuk kesusasteraan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa lain.

3.4.1.4 Membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

3.4.1.5 Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya dapat digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

### **3.4.2 Misi**

Menjadikan Bahasa Melayu ilmu yang berwibawa dalam pembinaan tamadun bangsa. Di Unit Multimedia, salah satu daripada usaha yang dilaksanakan adalah dengan menerbitkan portal yang sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu. Dalam aspek ini pengguna tidak perlu risau kehadiran portal-portal asing kerana portal yang sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu telah mula diterbitkan. Disamping itu usaha murni Unit Multimedia ini juga dianggap sebagai serampang dua mata apabila portal ini juga berusaha untuk mengembangkan penggunaan bahasa Melayu di peringkat Asia terutamanya di Thailand, Filipina, Indonesia, Brunei DarulSalam dan Singapura.

### **3.4.3 Moto**

Bahasa Jiwa Bangsa

### **3.4.4 Rukun Budaya Korporat**

Semangat DBP lahir daripada sejarah perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia. Berdasarkan semangat inilah maka budaya korporat DBP yang berikut berkembang dan dapat melahirkan manusia yang bertanggungjawab terhadap kerjanya.

- i. Memahami dan menghayati wawasan DBP.
- ii. Memelihara dan mempertingkatkan imej DBP di khalayak ramai.
- iii. Mementingkan hasil dan mutu keluaran.
- iv. Mengamalkan kerja secara bermesyuarat dan berkumpulan.
- v. Mementingkan pekerjaan yang bersih, cekap dan berkesan.
- vi. Mengamalkan sifat bijaksana, adil, amanah, jujur dan ikhlas.
- vii. Ketua memimpin pekerja bawahannya.
- viii. Pekerja memimpin dirinya sendiri.
- ix. Bekerja adalah ibadah.
- x. Berusaha menambahkan ilmu

### **3.5 Latarbelakang IGD Hitech Corporation**

IGD Hitech Corporation Sdn. Bhd. (IGD) telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kian berkembang pesat menuju ke era teknologi maklumat. IGD terletak Metro Center, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur. IGD lebih memfokus kepada bidang-bidang yang melibat teknologi maklumat khususnya dalam bidang Multimedia yang mengkhusus kepada :

- a. Pembangunan Aplikasi Perisian
  - i. Pengurusan Sistem Maklumat
  - ii. Pengurusan Sistem Dokumen
  - iii. Sistem Maklumat Geografi
- b. Sistem Rangkaian dan Integrasi
  - i. Pengendalian Sistem
- c. Konsultan dan *Turnkey Project*
  - i. Pengurusan Projek
- d. Perkhidmatan Data
  - i. CADD, digitizing, data conversion
- e. e-Perniagaan
  - i. Kandungan Pembangunan Multimedia
  - ii. Penyediaan Perkhimatan Aplikasi.

Sehingga tahun 2002, IGD Hitech telah mempunyai beberapa anak syarikat yang menguruskan projek-projek yang melibatkan teknikal termasuk:

- i. IGD Systems Integration Sdn. Bhd.

- ii. Educorp Sdn. Bhd.
- iii. Karyanet Sdn. Bhd.
- iv. IGD Multimedia Systems Sdn. Bhd.
- v. IGD Technologies Sdn. Bhd.
- vi. IGD Data Services Sdn. Bhd.
- vii. Solution Protocol Sdn. Bhd.
- viii. IGD Systems Solution Sdn. Bhd.**

Rajah 3.3: Carta Organisasi IGD Hitech Corporation Sdn. Bhd.

CARTA ORGANISASI IGD HITECH CORPORATION

